

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. "Izinkan _____ mengubati penyakit Tuan Puteri Kembang Cina, tuanku," sembah Merah Sulung kepada sultan.
A hamba C saya
B patik D beta
2. Pihak sekolah akan memberikan bantuan _____ murid-murid yang kurang berkemampuan bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.
A bagi
B pada
C untuk
D kepada

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Jurulatih itu menggunakan _____ untuk mencatat kepantasan larian anak buahnya semasa ujian kecergasan.
- A jam randik C jam tangan
B jam loceng D jam dinding

4. Kenyataan yang dikeluarkan oleh ahli perniagaan itu _____ dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak media.
- A bercanggah
B bertelagah
C berubah
D bersaing

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawaban yang paling sesuai.

5. Wajah Cik Som kelihatan cerah apabila
A
namanya diumumkan sebagai pemenang
B
cabutan bertuah anjuran pusat beli-belah
C
terkemuka itu. Tiada kesalahan.
D
6. "Sebagai rakyat Malaysia, kita harus fasih
A B
bertutur di dalam bahasa Melayu," kata
C
sasterawan negara itu. Tiada kesalahan.
D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Ayah aktif dalam *lapang* sukan semasa zaman mudanya.
 II Setiap petang, abang dan kawan-kawannya bermain bola di *lapang* rumah.
 III Ruang utama dewan yang baru dibina itu *lapang*.
 IV *Lapang* hati ibu apabila mendapat tahu bahawa kakak tidak terlibat dalam kemalangan itu.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
8. I Kebanyakan siswazah berazam untuk memperoleh *kedudukan* yang lebih baik dalam alam pekerjaan.
 II Pihak polis telah mengesan *kedudukan* perompak yang diburu itu.
 III *Kedudukan* almari di ruang tamu telah diubah oleh ibu.
 IV Tuk Rahim mengalami sakit lutut akibat jatuh *kedudukan* semasa hendak melintas jalan.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

9. Beberapa orang tetamu kehormat telah dijemput ke majlis perkahwinan anak Tan Sri Ahmad.
 A Beberapa orang tetamu-tetamu
 B Berapa orang tetamu-tetamu

- C Berapa orang tetamu
 D Beberapa orang tetamu

10. Semua mangsa banjir itu ditempatkan ke pusat pemindahan sementara supaya keadaan pulih seperti sediakala.
 A ke pusat pemindahan sementara sehingga
 B di pusat pemindahan sementara supaya
 C di pusat pemindahan sementara sehingga
 D ke pusat pemindahan sementara supaya.

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Dahinya yang luka itu kena jahit semalam.
 II Beg yang berat itu tidak terangkat oleh Afif.
 III Badannya letih lesu selepas bekerja di ladang sepanjang hari.
 IV Pintu yang rosak itu telah dibaiki oleh kami dua hari yang lalu.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
12. I Kakak menghadahi adik sebiji buku cerita bersempena dengan hari lahirnya.
 II Setiap hujung minggu, ayah akan membawa kami sekeluarga beriadah di taman.
 III Banyak orang sedang beratur di kaunter itu untuk membeli tiket wayang.
 IV Sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah berusaha untuk mengekalkan kemerdekaan negara.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja



Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Sebab nila setitik, rosak susu sebelanga

13. Peribahasa yang mempunyai maksud yang hampir sama dengan peribahasa di atas ialah

- A seekor kerbau membawa lumpur, habis semuanya terpalit.
- B bangkai gajah bolehkah ditutup dengan nyiru?
- C lembu punya susu, sapi dapat nama.
- D alah membeli, menang memakai.